

03/05/2001

Puteri tarik golongan sasar melalui IT

KOTA BHARU, Rabu - Puteri Umno akan menggunakan teknologi maklumat (IT) dalam usaha menarik lebih ramai golongan sasar menyertainya, terutama penuntut Malaysia di luar negara.

Exco Pusat Jawatankuasa Penaja Puteri Umno, Noor Liza Abu Hasan, berkata untuk tujuan itu, laman web Puteri Umno sedang dibangunkan yang memaparkan maklumat pergerakan itu serta kegiatan anjurannya.

Pendedahan itu, katanya, akan menguatkan keyakinan pelajar berkenaan untuk mendampingi Puteri Umno sekembali dari luar negara.

"Walaupun tidak berada di Malaysia, kita akan pastikan keahlian mereka terbabit disalurkan terus ke negeri asal masing-masing," katanya kepada pemberita selepas pertemuan antara Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed dengan Pergerakan Wanita Umno Kelantan dan Puteri Umno negeri di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Wanita Umno negeri, Datin Nik Azizah Nik Yahya dan Ketua Penaja Puteri Umno Kelantan, Yusnita Muhamed Yusoff.

Noor Liza berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkan laman web Puteri Umno tidak lama lagi, serentak penyerahan kad keahlian Puteri Umno,.

Katanya, pembangunan laman web sebahagian program yang dirancang Puteri Umno mencapai matlamat 10,000 ahli setiap negeri.

Sementara itu, Yusnita berkata, Puteri Umno akan memberi tumpuan tiga perkara iaitu cabang agama, perjuangan Umno dan isu ekonomi dalam menarik wanita di Kelantan menyertai unit itu.

Beliau berkata, golongan sasar yang dikenal pasti akan didekati terlebih dulu.

"Kalau boleh, biar mereka lihat apa yang Puteri Umno lakukan... kami lebih cenderung sebagai aktivis masyarakat dan banyak kerja kebajikan. Program kita meliputi semua pihak termasuk wanita Pas, dan terpulanglah kepada mereka untuk membuat penilaian.

(END)